



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA:

Memperkenankan Rang Undang-undang [Ruangan 3359]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3360]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3361]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3387]

USUL-USUL:

Menggantung Peraturan Mesyuarat 66 dan 67B—Rang Undang-undang
Perbekalan dan Anggaran Pembangunan, 1973 [Ruangan 3393]

Menggantung Peraturan Mesyuarat 67 (I) dan 67C—Rang Undang-undang
Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan [Ruangan 3407]

KANDUNGANNYA—(sambungan)

AKTA KASTAM, 1967—

- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1972 [Ruangan 3416]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1972 [Ruangan 3417]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1972 [Ruangan 3417]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1972 [Ruangan 3418]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1972 [Ruangan 3419]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1972 [Ruangan 3420]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1972 [Ruangan 3422]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1972 [Ruangan 3423]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1972 [Ruangan 3423]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1972 [Ruangan 3424]**
- Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1972 [Ruangan 3425]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1972 [Ruangan 3426]**
- Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1972 [Ruangan 3427]**
- Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1972 [Ruangan 3431]**

AKTA EKSAIS, 1961—

- Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 (Malaysia Barat [Ruangan 3428])**
- Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu [Ruangan 3430]**

ORDINAN EKSAIS, SABAH No. 18, 1959—

- Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 (Sabah) [Ruangan 3428]**

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK BAB 27—

- Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 (Sarawak) [Ruangan 3429]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 4hb Disember, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M. P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD P.G.D.K. (Samarahan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).

- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIEF BIN AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (RAWANG).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

Yang Berhormat AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

- " TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- " TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- " TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta),
- " DR CHEN MAN HIN (SEREMBAN TIMOR).
- " TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- " TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- " TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- " TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- " TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- " TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- " TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- " TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- " TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- " TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- " TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- " TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- " DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- " TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- " TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang.)
- " TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- " TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- " DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- " DATUK HAJI MOHAMED. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. Datuk Sri Paduka Raja (Kota Bharu Hulu).
- " TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- " TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- " TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

Yang Berhormat TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE. P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN P.C.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).

- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

PENGUMUMAN YANG DI PERTUA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MEMPERKENANKAN RANG UNDANG-UNDANG

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agung dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta itu ialah seperti berikut:

- (1) Akta Perihal Dagangan, 1972;
- (2) Akta Peguambela dan Peguamcara (Pindaan), 1972;
- (3) Akta Perikanan (Pindaan), 1972;
- (4) Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan), 1972;
- (5) Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan), 1972;
- (6) Akta Rahsia Rasmi, 1972;
- (7) Akta Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972;
- (8) Akta Zon Perdagangan Bebas (Pindaan), 1972;
- (9) Akta Kastam (Pindaan), 1972;
- (10) Akta Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan), 1972;
- (11) Akta Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Sarawak) (Pindaan), 1972;
- (12) Akta Acara Kewangan (Pindaan), 1972;
- (13) Akta Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1972;
- (14) Akta Piawaian (Pindaan), 1972;
- (15) Akta (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy, 1972;
- (16) Akta Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia, 1972;
- (17) Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan), 1972;
- (18) Akta Pehak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972;

- (19) Akta Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) Perluasan dan Pindaan), 1972;
- (20) Akta Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Pelanjutan Kuatkuasa), 1972;
- (21) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1972; dan
- (22) Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan), 1972.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Sekarang saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujukan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Perihal Dagangan, 1972;
- (2) Rang Undang-undang Peguambela dan Peguamcara (Pindaan), 1972;
- (3) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan), 1972;
- (4) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Pindaan), 1972;
- (5) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Pindaan), 1972;
- (6) Rang Undang-undang Rahsia Rasmi, 1972;
- (7) Rang Undang-undang Zon Perdagangan Bebas (Pindaan), 1972;
- (8) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan), 1972;
- (9) Rang Undang-undang Kastam (Pindaan), 1972;
- (10) Rang Undang-undang Duti Sewa Filem Wayang Gambar (Pindaan), 1972;

- (11) Rang Undang-undang Pelesenan Perniagaan, Profesyen dan Tred (Sarawak) (Pindaan), 1972;
- (12) Rang Undang-undang Acara Kewangan (Pindaan), 1972;
- (13) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun), 1972;
- (14) Rang Undang-undang Piawaian (Pindaan), 1972;
- (15) Rang Undang-undang (Perbadanan) the Superior of the Institute of the Congregation of the Brothers of Mercy, 1972;
- (16) Rang Undang-undang Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia, 1972;
- (17) Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan), 1972;
- (18) Rang Undang-undang Pehak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah, 1972;
- (19) Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan), 1972;
- (20) Rang Undang-undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa), 1972;
- (21) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan), 1972; dan
- (22) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan), 1972.

Tandatangan:
Yang di Pertua,
Dewan Negara.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERKHIDMATAN NEGARA— RANCANGAN MENGADAKAN

1. Tuan Lim Kit Siang bertanya kepada Perdana Menteri adakah Kabinet telah menimbang ataupun mengkaji sebarang cadangan untuk melaksanakan perkhidmatan

negara yang wajib bagi semua belia-belia Malaysia, dan jika ya, nyatakan hasil pertimbangan ataupun kajian tersebut; dan jika tidak, nyatakan samada menjadi tujuan Kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan negara yang wajib bagi belia-belia Malaysia serta nyatakan bila dan butir-butir lain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, soalan mengenai Perkhidmatan Negara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat telah dikemukakan juga oleh 6 orang ahli-ahli lain, dari itu saya suka membuat kenyataan ringkas mengenai perkara ini. Saya berasa amat sukacita di atas perhatian dan minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Parlimen di atas cadangan hendak mengadakan Perkhidmatan Negara bagi negara kita. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan bagi mengadakan Perkhidmatan Negara bukanlah satu cadangan yang baru difikirkan oleh Kerajaan; malahannya rencana Perkhidmatan Negara ini memang telah lama dalam timbangan Kerajaan.

Dari segi kemajuan sesebuah negara, rencana Perkhidmatan Negara hendaklah mengandungi makna yang lebih luas daripada perkhidmatan tentera yang wajib. keadaan keselamatan negara sekarang ini tidak memerlukan kerahan tenaga yang begitu luas. Bilangan-bilangan tentera yang ada pada masa ini dalam pasukan tetap dan juga sukarela adalah mencukupi untuk menjaga pertahanan negara. Buat sementara waktu Kerajaan memang menggalakkan orang ramai memasuki Pasukan-pasukan Sukarela, seperti askar wataniah, tentera simpanan sukarela laut dan udara. Oleh yang demikian, dasar Perkhidmatan Negara yang difikirkan itu akan mengandungi ciri-ciri yang boleh mencapai matlamat-matlamat negara bukan saja dari segi mempertahankan kedaulatan negara bahkan juga dari segi pembangunan dan perpaduan negara.

Diantara matlamat-matlamat Perkhidmatan Negara yang ditimbangkan adalah bertujuan untuk memupuk dan menanam semangat kesedaran kebangsaan dan taat setia kepada Negara serta menyemaikan perasaan tanggungjawab dan perasaan turut serta di dalam usaha-usaha pembangunan Negara.

Oleh kerana rencana Perkhidmatan Negara merupakan satu konsep yang baru dari segi sejarah negara ini, pihak Kerajaan terpaksa-lah mengkaji cadangan ini dengan sedalam-dalamnya. Saya telahpun mengarahkan sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai bagi mengkaji perkara ini dari segala aspek. Jawatankuasa ini dijadualkan menyiapkan laporannya pada awal tahun hadapan dan Kerajaan akan memutuskan di atas perkara ini dengan seberapa segeranya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan sebab-sebab Kerajaan Pusat boleh meujudkan Perkhidmatan Awam antara sebab-sebabnya ialah pertahanan negara, pembangunan dan perpaduan kita. Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beliau sedar jika Kerajaan melaksanakan Perkhidmatan Negara, maka tindakan itu boleh menyatukan rakyat di negara kita dan oleh sebab itu kita boleh mencapai perpaduan negara dengan lebih cepat, oieh sebab itu bolehkah beliau mempercepatkan siasatan atas perkara ini supaya kita boleh melaksanakan perkhidmatan negara ditanah air kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang bersetuju bahawa menurut konsep yang baru ini Perkhidmatan Negara adalah merupakan satu cara untuk hendak mempercepatkan lagi perpaduan negara, jadi dengan sebab itu, saya telah terangkan tadi bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menyiasat atas perkara ini dan menimbangkan dengan seberapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan Kerajaan Pusat telah mengkaji atas perkara ini, bukan sekarang, tetapi pada masa dahulu, bolehkah beliau menerangkan berapa lama masa siasatan akan diambil?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi bahawa Jawatankuasa Pegawai-pegawai bagi mengkaji yang diarahkan bagi menyiasat atas perkara ini di jangka akan menyiapkan Penyatanya pada awal tahun hadapan.

LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI KE CINA—CADANGAN

2. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau bercadang membuat lawatan ke Republik Rakyat Cina untuk mengeratkan kerjasama ekonomi diantara kedua-dua negara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kerjasama ekonomi diantara dua buah Kerajaan boleh ujud hanyalah apabila berhubung diplomatik telah diadakan diantara kedua negara. Kita belum lagi mempunyai perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, dari itu soal saya membuat lawatan ke Peking untuk mengeratkan kerjasama ekonomi diantara Malaysia dengan People's Republic of China tidaklah timbul pada masa ini.

Tuan Hor Cheok Foon: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini samada Menteri Tugas-tugas Khas dan Penerangan telah membuat perhubungan yang tertentu dengan diplomat People's Republic of China di Paris atau Peranchis, berkenaan dengan menubuhkan hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Cina?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkhhabaran ini tidak benar sama sekali. Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan pergi ke Eropah adalah dengan tujuan yang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa Presiden Nixon dan juga Perdana Menteri Jepun Tuan Tanaka telah melawat Peking untuk mengadakan atau meujudkan perhubungan diplomatik antara Jepun dengan Cina dan bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan sebab-sebab yang beliau tidak akan melawat Peking supaya Kerajaan ini boleh meujudkan perhubungan diplomatik antara negara ini dengan Cina?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kalau semata-mata dengan tujuan hendak mengadakan dan mempercepatkan perhubungan diplomatik dengan People's Republic of China, saya fikir tidak payah saya sendiri membuat lawatan kerana perkara-perkara ini boleh dijalankan melalui saluran-saluran yang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Saya akui Perdana Menteri kita tidak payah beliau sendiri pergi ke Peking; bolehkah beliau menimbangkan menghantar seorang yang lain seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Beliau menyatakan barangkali Menteri atau Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis ialah seorang Dr Kissinger untuk Kerajaan Perdana Menteri, adakah beliau menghantar wakil lain, umpamanya bukan wakil dari Kuala Lipis, tetapi Raja Tan Sri Mohar ke Peking untuk berunding dengan Chou En-Lai tentang perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, seperti yang telah diterangkan bahawa Raja Tan Sri Mohar telah membuat lawatan ke negeri Cina ialah dengan tujuan hendak menghadiri Trade Fair di Canton. Apabila beliau berada di sana, oleh sebab pihak Kerajaan Cina adalah memberi pandangan yang sempurna kepada kita, beliau telah dijemput pergi melawat ke Peking dan diberi peluang berjumpa dengan Perdana Menteri Cina, Mr Chou En-Lai. Perundingan-perundingannya ialah berkenaan dengan hal ekonomi dan juga perniagaan. Jadi, beliau tidaklah ditugaskan khas untuk hendak membincangkan berkenaan dengan perhubungan diplomatik.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bahawa negeri ini langsung tiada mempunyai seorang pun yang berkelibar seperti Dr Kissinger supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menghantar ke Peking untuk mempercepatkan perhubungan diplomatik antara negeri kita dengan negeri Cina?

Tuan Yang di Pertua: Adakah itu soalan tambahan?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Bolehkah Perdana Menteri menerangkan bahawa negeri ini langsung tiada mempunyai seorang pun yang berkelibar seperti Dr Kissinger untuk dihantar ke Peking?

Perdana Menteri: Saya fikir, Tuan Yang di Pertua, negeri ini ada banyak orang yang mempunyai berkelibar seperti Dr Kissinger; semua sekali yang di sebelah sini di dalam Dewan ini ada mempunyai kelibar (*Tepuk*) tetapi saya fikir untuk hendak mengadakan diplomatic relations dengan negeri Cina

tidaklah mustahak dihantarkan seorang pada masa ini. Saya suka menegaskan iaitu cadangan kita memanglah satu masa hendak mengadakan diplomatic relations dengan People's Republic of China, akan tetapi kita telah bersetuju dengan negara-negara ASEAN iaitu perkara ini mestilah dibincangkan dahulu diantara kita dengan negara-negara ASEAN, seperti Thailand, Singapura, Indonesia dan juga Filipina.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan di hadapan saya ramai orang-orang yang berkelibar seperti Dr Kissinger; adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bukannya semuanya *persona grata* kepada Peking?

Tuan Yang di Pertua: Jadi, soalnya berkenaan dengan ini? Kalau tidak ada kenangannya dengan soalan ini, tidak boleh.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di Pertua: Sudah lewat. (*Ketawa*)

KONSEP PERKECUALIAN ASIA TENGGARA

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada konsep perkecualian Asia Tenggara diterima baik oleh Russia, dan adakah Russia sebagai kuasa besar bersedia menjamin perkecualian Asia Tenggara bersama-sama dengan Amerika Syarikat dan Cina.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, lawatan saya ke Soviet Union telah dibuat dengan tujuan untuk mengeratkan lagi tali perhubungan kita dengan negara itu, tetapi saya telah juga mengambil kesempatan untuk menerangkan secara am konsep pengecualian Tenggara Asia kepada Kerajaan Soviet. Sepertimana yang telah di terangkan beberapa kali, bukanlah tujuan lawatan saya untuk mendapatkan jaminan Soviet Union terhadap cadangan perkecualian kita sebab sebarang tindakan untuk mengemukakan perkara ini secara rasmi kepada kuasa-kuasa lain mestilah dibuat oleh semua negara-negara Asia Tenggara sebagai satu kumpulan

apabila mereka telah sedia untuk berbuat demikian. Soal jaminan daripada kuasa-kuasa besar adalah perkara untuk ditentukan sendiri oleh negara-negara dalam lingkungan kawasan yang dikatakan kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan pemimpin-pemimpin Soviet Russia tentang perkara ini mengenai Perkecualian Asia Tenggara, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapati pandangan Soviet Russia tentang Perkecualian Asia Tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya dapati Kerajaan Soviet Union adalah memberi pandangan yang tinggi kepada usaha-usaha kita untuk mengekalkan keamanan di Tenggara Asia. Berkenaan dengan soalan perkecualian, saya katakan tadi kita tidak meminta pandangan daripada pihak Soviet Union pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar untuk mencapai Perkecualian Asia Tenggara kita perlu mendapat persetujuan bukan daripada Soviet Russia sahaja bahkan daripada Amerika Syarikat dan juga daripada Republik Cina—Peking. Oleh sebab itu pada masa sekarang Kerajaan telah berhubung tentang perkara ini dengan Amerika Syarikat dan juga dengan Soviet Russia, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan bilakah Kerajaan ini akan berhubung dengan Peking tentang perkara ini, oleh sebab kalau kita tidak dapat persetujuan daripada Cina, maka kita tidak boleh mencapai Perkecualian Asia Tenggara?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah kerap-kali terangkan bahawa konsep perkecualian ini mestilah terlebih dahulu dipersetujui terutama sekali negara-negara ASEAN, kemudian dipersetujui oleh negara-negara di Tenggara Asia. Apabila konsep itu telah dipersetujui oleh negara-negara di Tenggara Asia baharulah langkah boleh diambil untuk mengemukakan perkara ini kepada kuasa-kuasa besar. Pada masa ini belumlah sampai masanya bagi kita mengemukakan perkara ini kepada pihak-pihak luar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan telah berunding dengan Kerajaan Soviet Russia, beberapa buah negeri jiran kita ini ada ragu-ragu dan menaruh syak wasangka, yang menyebabkan Menteri Tugas-tugas Khas kita pergi ke Indonesia senyap-senyap melapurkan atas lawatan itu, adakah Kerajaan sedar?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, tidak ada perasaan syak wasangka daripada mana-mana pihak. Lawatan ini ialah lawatan muhibbah sebagaimana saya katakan untuk menguatkan tali perhubungan diantara kita dengan Soviet Union. Ketua-ketua negara lain pun membuat lawatan seperti ini dan lawatan semacam ini tidak patutlah menimbulkan apa-apa perasaan daripada mana-mana pihak dan saya fikir tidak ada perasaan yang semacam itu.

PENERBANGAN LEWAT MAS— BILANGAN PEMBATALAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perhubungan memberikan satu lapuran mengenai bilangan-bilangan pembatalan dan penerbangan lewat MAS di dalam bulan pertama ia menjalankan perkhidmatannya dengan memberikan butir-butir dan sebab-sebab kepada setiap pembatalan ataupun penerbangan lewat itu; dan nyatakan mengapa pembatalan ataupun penerbangan lewat tersebut tidak dapat dielakkan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya telah diberitahu bahawa dalam bulan yang pertama selepas Syarikat MAS dilancarkan, ada beberapa pembatalan dan penerbangan lewat telah berlaku. Sebab-sebabnya berlaku demikian ialah berhubung dengan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Keadaan cuaca iaitu awan terlampau tebal di sebelah pagi, jadi, tidak dapat hendak terbang, jadual tentulah ditukarkan kerana kita tidak ada kuasa hendak menahan berkenaan dengan awan dan lain-lainnya.
- (ii) Penyediaan makanan. Maalumlah benda yang baharu tentulah ada teething troubles.

- (iii) Kawalan penerbangan udara (traffic control). Itu juga berkenaan dengan cuaca.
- (iv) kejuruteraan. Ini begitu juga, benda yang baharu, ada teething troubles juga.
- (v) Traffic handling—sama juga.
- (vi) Penyediaan kenderaan dan sebab-sebab yang lain;
- (vii) "Purple" airways, rancangan latihan pertahanan dan sebab-sebab perdagangan.

Di antaranya pembatalan dan penerbangan lewat kerana cuaca, kawalan penerbangan dan sebab-sebab yang lain seperti "purple airways", latihan pertahanan dan sebab-sebab perdagangan tidak dapat dielakkan, tetapi pembatalan dan kawalan berhubung dengan penyediaan makanan atau traffic handling, kejuruteraan ialah kerana pada permulaan perkhidmatan Syarikat MAS ada beberapa perkara kerumitan yang memang berakut sebagai sesebuah organisasi yang baharu sahaja melancarkan perkhidmatannya. Walaupun begitu, perkara yang mengendalakan perkhidmatan Syarikat pada permulaannya telah pun diatasi dan semenjak perkhidmatannya berjalan pada 1hb Oktober, sampai sekarang dua bulan, dan dua hari yang lampau telah kita berikan briefing kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kanan—Alhamdulillah mereka telah dapat menjalankan perkhidmatan yang sangat memuaskan dan boleh dikatakan cukup baik dan boleh dikatakan setanding dengan perkhidmatan kapal terbang-kapal terbang yang lain yang telah berjalan beberapa tahun di sebelah sini.

Oleh kerana itu tak perlulah saya fikir bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka tentu bersetuju dengan saya bagi menjaga nama baik perkhidmatan penerbangan kebangsaan kita. MAS kalau dia belum naik, sila naik bersama-sama, boleh cuba sendiri. Kalau hendak diberi berapa puluh kali, berapa ratus kali, itu perkara yang sudah menjadi riwayat. Sekarang ini kita minta Ahli-ahli Yang Berhormat tolong beri cadangan yang constructive walaupun daripada pihak Pembangkang supaya boleh di-baiki dari semasa ke semasa supaya MAS menjadi sebenar-benar successor to the worthy M.S.A. yang terkenal di seluruh dunia. Sebaliknya kita patut mengucapkan setinggi terima kasih kepada Pengarah MAS

dan sekalian kakitangan yang mana dalam masa 18 bulan dia telah membentuk sebuah syarikat dan melancarkan satu syarikat yang mempunyai 737-200 yang baharu yang di-nilaikan berharga \$140 juta, tak ada satu syarikat penerbangan di dunia sebelah sini yang dapat begitu dengan segera dan menjalankan kewajibannya yang begitu tegas. Saya sendiri berasa bahawa patut kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada mereka itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri, kenapa kita tidak dapat kebenaran mendarat (landing rights) di Brunei? Adakah betul ataupun tidak kita minta permohonan dua hari dahulu pada 29hb September, 1972 sebelum MAS dilancarkan pada 1hb Oktober, 1972? Bolehkah diberitahu kenapa kita tidak minta awal-awal lagi?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, itu soalan yang lain dan *sub judice*, kerana sekarang ini pihak United Kingdom dan Malaysia sedang berunding lagi.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, ini bukan *sub judice*. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan nama MAS yang tinggi sekali. Kami daripada sini mahu nama MAS tinggi lagi, kerana national airline ini dipunyai oleh negara ini, bila orang lain menceritakan yang tak baik kita tidak dengar. Jadi kenapa flight kitchen itu tidak siap pada 1hb Oktober?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, itu soal lain, tetapi beliau sebagai ketua buruh mesti tahu strike di London telah menyebabkan kapal tak dapat membawa barang-barang yang patut ada di sini terlebih awal dan lain-lain perkara ini berkenaan kontrektor, jangan soal saya—tanya pada workers.

Tuan V. David: Bila jawapan Yang Berhormat Menteri kata fasal flight kitchen saya tidak kata itu, sebab Menteri ada bawa soal ini mengapa kita tidak siapkan semuanya? Kita sudah tahu MAS dilancarkan pada 1hb Oktober, Yang Berhormat Menteri mesti siapkan semua perkara ini. Lagi satu, adakah tidak kakitangan kita seperti pilot di MAS tidak mengikut aturan yang diberi dari-

pada Boeing 737 yang syarikat itu dalam Seattle ada mengatakan dia tidak boleh bertanggungjawab kalau berlaku kemalangan kepada MAS, Boeing 737 di masa akan datang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, ini soal lain. Saya tidak mahu jawab.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, ini perkara yang mustahak ada juga dalam suratkhbar

Tuan Yang di Pertua: Kalau Menteri itu mengatakan soalan lain bermakna dia tak mahu menjawab, apa lagi hendak dibahaskan. Kalau ada soalan yang lain dikemukakan boleh dijawab, kalau hendak itu juga dibahaskan tak boleh.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, perkara ini ada hubungannya dengan MAS, Yang Berhormat Menteri sendiri membawa perkara ini.

Tuan Yang di Pertua: Tetapi yang ini dia tak jawab.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Menteri memberitahu Dewan ini bila kita boleh dapat kebenaran mendarat (landing rights) daripada United Kingdom untuk MAS mendarat di Brunei?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tak mahu jawab. Perkara itu tak ada timbul dalam soal yang pertama tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan dan juga MAS kerana kedua-duanya telah mengatasi kebanyakannya masalah-masalah yang telah timbul. Saya hendak memberitahu kepada Menteri yang berkenaan apabila saya tiba di Lapangan Terbang Singapura, saya terperanjat tegok SIA menggunakan MSA. Bolehkah Menteri yang berkenaan memberitahu beliau akan mengambil perkara ini dengan SIA supaya Kerajaan Singapura atau SIA berhenti menggunakan MAS di kapalterbangnya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini tidak timbul, Tuan Yang di Pertua. Soal ini soal antara airlines sementara dia hendak cat segala-segalanya dia minta tempoh.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri beliau minta kerjasama daripada pihak Pembangkang untuk menjaga nama MAS dan tentu kita boleh beri jaminan kita akan beri kerjasama dan saya ada menaiki MAS pada 8hb Oktober daripada Kuala Lumpur ke Ipoh dan di flight itu ada 3 orang setengah sahaja—tiga orang dewasa dan seorang budak. Itu tentu bukan satu jalan yang mendatangkan keuntungan kepada MAS. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengarahkan MAS mengaturkan tektik jadual lebih sesuai untuk penumpang-penumpang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka patut membaca suratkhbar, Manager telah berhubung dengan pihak Chamber of Commerce di Pulau Pinang, di Ipoh dan juga di Kuala Trengganu dan di Kelantan dan daripada awal tahun hadapan ini akan dipinda supaya disesuaikan dengan jadual penerbangan. Tak cukupkah itu?

Dr Chen Man Hin: Untuk memperbaiki nama MAS, saya ingat jadual yang ada sekarang tidak berapa baik. Sungguhpun personnel di dalam MAS ialah civil servants yang tertinggi dan mahir, tetapi oleh sebab MAS ialah satu perkhidmatan dengan rakyat dan antarabangsa dan dengan perniagaan-perniagaan barangkali management mesti ada satu orang yang business-minded, ada pengalaman dalam bidang perniagaan, kalau ada lagi baik letakkan seorang manager macam itu. Adakah atau tidak?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kita harap nanti pengarah-pengarah dan juga pegawai-pegawainya akan timbangkan perkara itu.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di Pertua, sebelum MAS dilancarkan dalam bulan Oktober dahulu, Yang Berhormat Menteri ada membuat kenyataan mengatakan apabila MAS dilancarkan kelak, maka penerbangan dalam negeri ataupun domestic flights akan lebih mendapat kemajuan, tetapi saya ingin bertanya kenapakah perkhidmatan MAS yang dibuat ke Pantai Timur terbalik akibatnya, iaitu jikalau dalam masa MSA dahulu untuk ke Trengganu kami boleh pergi daripada Kuala Lumpur ke Trengganu pada

hari Isnin, Rabu dan Jumaat direct dan pada hari yang tiga lagi iaitu Selasa, Khamis dan Sabtu indirect melalui Kota Bharu dengan hanya menunggu 20 minit kemudian terus ke Trengganu. Kenapa sekarang ini perkara ini berubah menyebabkan indirect flight tak ada? Jikalau hendak juga melalui cara tak langsung duduk di Kota Bharu sampai 3 jam, pada hal dari Trengganu ke Kota Bharu dengan motokar hanya 2 jam. Kenapa berlaku 50% lebih kurang daripada khidmat yang diberi oleh M.S.A.?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, saya sudah terangkan tadi. Saya sendiri telah berhubung dengan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar dan manager sendiri telah pun berhubung dan sudah pergi ke Pantai Timur dan jadual ini akan ditukar daripada 1 haribulan Januari, kerana pada masa dahulunya hendak mendapatkan banyak tourist pergi ke Pantai Timur, bukan sahaja Kota Bharu, bukan sahaja Kuala Trengganu, tetapi juga Kuantan, hendak memajukan tourism. Oleh kerana itu difikirkan tiga kali lalu sana, tetapi ini telah pun diperbaiki semula dan akan ditambah lagi dan tidak akan kurang. Tetapi tunggulah dahulu.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di Pertua, terima kasih di atas jaminan Menteri itu, cuma saya berharap

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Ini dua orang sekali bangun, siapakah yang hendak bercakap itu?

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada bagaimana mustahaknya perkhidmatan kapal terbang di antara Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang dan beberapa banyak pengguna-pengguna menggunakan kapal terbang-kapal terbang ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pertimbangan di atas harga tiket-tiket itu supaya kurang sedikit daripada Kota Bharu dengan Kuala Lumpur atau Kota Bharu ke Pulau Pinang?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan lain sama sekali.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri kenapakah bayaran tiket daripada Kuala Lumpur ke Trengganu \$55 dan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu melalui Trengganu juga \$55 pada hal beza jarak antara Trengganu/Kuala Lumpur dengan Kota Bharu/Kuala Lumpur adalah berbeza iaitu lebih kurang 100 batu lagi. Kenapa yang Trengganu sama harga tiketnya dengan Kota Bharu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan merujuk kepada pengarah-pengarah supaya disiasat balik atas perkara ini.

Dr A. Soorian: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu betul atau tidak betul pemandu-pemandu kapal terbang MAS ada di antaranya bukan warganegara Malaysia?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya sudah jawab dahulu, dan saya suka terangkan seberapa ramai yang ada daripada bumiputra yang ada kelayakan dan cukup bilangannya dan lain-lain. Kita memanglah hendak pakai semua sekali bumiputra. Kalau belum ada, terpaksa kita buat sementara pakai yang bukan bumiputra.

Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di Pertua, saya ingin bertanya kenapakah hidangan makanan di dalam kapal terbang daripada Kota Bharu samada terus ke Kuala Lumpur ataupun melalui Trengganu dan Kuantan pada waktu tengah hari itu semenjak dua tiga hari ini bertukar daripada makanan biasa tengah hari kepada makanan hanya sekeping kek sahaja. Apakah ini menunjukkan suatu perubahan kepada baik ataupun tidak baik, sedangkan waktu penerbangan ialah dari 12.30 sampai ke Kuala Lumpur 1.30 kadang-kadang pukul 2.00 petang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini saya akan siasat dan rujukkan kepada manager yang berkenaan.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh sebab keselamatan penumpang-penumpang kapal terbang kita ialah mustahak sekali, bolehkah Kementerian yang berkenaan beri jaminan bahawa Kementerian mesti mengambil tiap-tiap langkah yang sesuai untuk mencapai

keselamatan semua penumpang-penumpang sunggohpun kadang-kadang ada delay atau ada cancellation. Ini mustahak sekali tetapi ini bukan joking matter.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Yang Berhormat ini tentu telah faham berapa kali saya di dalam Dewan yang bahagia ini telah menerangkan: there is no substitute to air safety tidak ada perkara yang boleh menggantikan keselamatan di udara. Sebab itulah kita mengadakan orang-orang yang pakar, yang mahir walaupun kita bayar gaji lebihpun, kalau tidak ada orang-orang kita sendiri, orang-orang luar pun boleh sebab safety in the air ini mustahak. Terima kasih.

Tuan Goh Hock Guan: Soalan tambahan, saya bertanya soalan tambahan itu oleh sebab tadi saudara kita ada bertanya mengapa Syarikat Boeing tidak mahu memberi jaminan keselamatan kapal terbang Boeing? Oleh sebab itulah yang saya mahu tanya soalan tambahan ini.

Tuan Yang di Pertua: Jadi sebab-sebabnya, itu sahaja?

Datuk Tajudin bin Ali: Adakah sekeping kek dan secawan kopi kepada penumpang-penumpang MAS itu jadi sebahagian daripada teething troubles juga?

Tuan Yang di Pertua: Sekeping kek?

Datuk Tajudin bin Ali: Ya, sekeping kek!

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak ada teething troubles, melainkan kanak-kanak yang belum bergigi dia tidak boleh hendak mamah! (*Ketawa*)

PASUKAN KESELAMATAN THAI TERBUNUH—GANTIRUGI

5. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan sebagai gantirugi kepada keluarga enam orang ahli pasukan keselamatan Thai yang terbunuh oleh Pasukan Keselamatan Malaysia baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, \$5,000 telah dibayar sebagai bayaran "ex-gratia" kepada tanggungan-tanggungan tiap-tiap seorang daripada enam orang Thai

yang telah terbunuh di dalam satu serang-hendap baru-baru ini.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan samada benar atau tidak satu laporan bahawa enam orang ahli-ahli pasukan keselamatan Thai ini, sebelum dibunuh menjadi mangsa-mangsa torture?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya suka mengatakan bahawa perkara itu tidak betul.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu sebab-sebab terjadinya kejadian yang tersebut dan adakah ia melibatkan sedikit perselisihan antara kita dengan Kerajaan Thai?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, itu soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Oleh kerana agaknya pertanyaan yang pertama kurang jelas, saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan apakah sebab-sebabnya terjadi kejadian yang tersebut di mana pasukan kita tersalah serang agaknya kepada pasukan Thai yang memasuki ataupun sebagainya di kawasan kita?

Tuan Yang di Pertua: Itu soalan tidak ada dalam mesyuarat ini. Itu yang dikatakan soalan lain! Tidak ada tujuan hendak bertanya yang itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sebab-sebabnya tidak boleh?

Tuan Yang di Pertua: Tidak boleh!

PERJANJIAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

6. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang konkrit Kerajaan hendak ambil supaya Malaysia boleh menarik daripada Perjanjian Pertahanan Lima Negara sebagai merintis jalan ke arah menjayakan suatu kawasan keamanan yang berkecuali di Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan dari negara-negara ASEAN sedang membuat kajian mencari jalan serta cara-cara untuk melaksanakan cadangan menjadikan Asia Tenggara sebagai

kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali. Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa selepas konsep pengecualian telah diterima oleh semua negara-negara di Asia Tenggara barulah soal memansuhkan Peraturan Pertahanan Lima Negara akan ditimbang. Adalah diramalkan bahawa apabila Pengecualian telah terwujud dengan sepenuhnya, Peraturan Pertahanan Lima Negara sudah tidak ada lagi.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Adakah Menteri Pertahanan sedar baharu-baharu ini New Zealand telah ada Kerajaan baharu, Parti Buruh di sana yang diketuai oleh Mr Norman Kirk dan baharu-baharu ini juga Kerajaan Australia telah bertukar di ketuai oleh Mr Whitlam kedua-duanya pemimpin ini atau Perdana Menteri ini telah menyatakan Kerajaan mereka akan menarik balik askar-askar mereka di Singapura. Oleh sebab itu, adakah Menteri Pertahanan sedar "Five-Power Pact" sudah menjadi obsolete, tidak laku lagi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Perjanjian Pertahanan Lima Negara atau "The Five-Power Defence Arrangement" adalah perjanjian yang dimasuki dengan sukarela oleh lima buah Negara. Jadi adalah menjadi hak mana-mana negara kalau mereka itu hendak keluar daripada perjanjian itu atau hendak menamatkan perjanjian itu setelah berunding dengan Negara-negara lain.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, kalau Australia dan New Zealand keluar daripada Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini, apa gunanya kita ada perjanjian antara tiga buah Negara sahaja, Malaysia, Singapura dan Britain dan Britain jauh benar dan ada masalah-masalah mereka. Oleh sebab itu bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberi pandangan Kerajaan ini terhadap Perjanjian Pertahanan Lima Negara atas kejadian baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya tak boleh memberi apa-apa pandangan atas hal ini sebelum mendapat keputusan yang rasmi daripada Kerajaan baru Australia atau New Zealand. Ini hanya cakap-cakap dalam akhbar sahaja, kita belum lagi mendapat pandangan rasmi daripada dua-dua Perdana Menteri ini selepas mereka itu menubuhkan Kerajaan barunya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soal tambahan. Adakah Yang Berhormat Perdana Menteri mahu menimbangkan tentang pembatalan di atas Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini dengan sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika mana melawat di luar negeri, satu ketika dahulu, kalau tidak silap saya, kenyataan itu keluaranya di Switzerland yang mengatakan bahawa Malaysia akan menolak atau pun menarik semua tentera-tentera ataupun segala bantuan-bantuan asing yang ada di negara ini. Kalau begitu, apakah perkara menarik semua tentera asing di Malaysia ini termasuk peraturan Pertahanan Lima Negara, dimana Kerajaan Malaysia mengundurkan diri?

Perdana Menteri: Saya hanya membuat keterangan menyatakan apabila konsep pengecualian ini telah diterima oleh semua Negara-negara di Asia Tenggara maka segala pengkalan peperangan ataupun "Defence Arrangement" mestilah dimansuhkan; itu sahaja keterangan yang saya buat.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU DI MALAYSIA—MENKKAJI

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau telah melawat dan mengkaji keadaan semua kampung baru di Malaysia dan samada laporan beliau akan dikemukakan ke Parlimen semasa Mesyuarat Belanjawan ini.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, saya telah lawati banyak kampung baru, tetapi belum dapat semua lagi dan saya mengetahui keadaan kampung-kampung berkenaan, tetapi tidak difikirkan mustahak membentangkan laporan di Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Soal tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sebab-sebab beliau rasa tidak penting membentangkan satu laporan kepada Dewan Rakyat? Adakah beliau berpendapat bahawa keadaan penduduk-penduduk di kampung-kampung baru bukan teruk dan tidak perlu perhatian Dewan Rakyat untuk meninggikan taraf kehidupan mereka?

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua: Tadi bercakap dalam bahasa Kebangsaan, kalau tak tahu bercakap dalam bahasa Kebangsaan, boleh

saya izinkan tetapi tahu, kalau tahu, tidak boleh!

Dr Lim Keng Yaik: Tidak berapa pandai.

Tuan Yang di Pertua: Boleh!

Dr Lim Keng Yaik: (*Dengan izin*) It is not considered necessary to table any report in Parliament because my responsibility is to co-ordinate development projects in new villages and I report occasionally to the Prime Minister to whom my responsibility is.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendakkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang tanggungjawabnya mengenai Portfolio penduduk-penduduk kampung baru bukan kepada Parlimen. Dia bukan answerable kepada Parlimen, tetapi di-luar Parlimen dan sebab itu barangkali beliau boleh menjawab, kenapa dia duduk di Parlimen.

Dr Lim Keng Yaik: That is not necessary; my responsibility is to the Prime Minister.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rasa jawapan itu satu kenyataan yang sangat memeranjatkan semua Ahli-ahli kerana betullah semua Yang Berhormat Menteri-menteri bertanggungjawab kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dia Ketua Kabinet, tetapi akhirnya mereka bertanggungjawab kepada Parlimen, iaitu Badan yang tertinggi di negara kita dan saya harap Yang Berhormat Menteri atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi satu keterangan bahawa adakah kita sudah sampai kepada satu sistem demokrasi, dimana Menteri-menteri bukan bertanggungjawab kepada Parlimen, tetapi kepada diri sendiri, barangkali.

Perdana Menteri: Saya memohon izin memberi keterangan. Saya fikir Ahli Yang Berhormat itu tak faham apa demokrasi yang sebenarnya. Menurut dasar demokrasi kita Ahli-ahli Kabinet adalah bertanggungjawab semua sekali kepada Dewan Parlimen dan tiap-tiap seorang bertanggungjawab berkenaan dengan portfolionya, tetapi Menteri Tugas-tugas Khas tidak ada mempunyai Portfolio yang tertentu, ia hanya bekerja di bawah jagaan saya dan dia bertanggungjawab kepada saya sendiri dan saya bertanggungjawab kepada Parlimen dan Ahli Yang Berhormat tidak berhak hendak menyoal Menteri Tugas-tugas Khas di atas hal ini dan ini adalah tanggungjawab bagi diri saya, sebab itu ia dipanggil Menteri

Tugas-tugas Khas, dan dia hanya diberi tugas dari satu masa kesatu masa oleh saya sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama saya mahu menerangkan bahawa kita bagi pihak Pembangkang DAP tidak mahu mencabar hak-hak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kuasa-kuasanya, tetapi saya rasa perkara ini menimbulkan satu perkara yang sangat penting, kerana ia berkaitan dengan Perlembagaan, kerana perkara yang bersangkutan dalam soalan ini ialah penduduk-penduduk di luar bandar yang Portfolionya atas seorang Menteri dan kita mahu tahu daripada siapa yang kita boleh dapat butir-butir atau keterangan-keterangan, samada daripada Menteri Tugas-tugas Khas atau kalau ia bukan bertanggungjawab kepada Parlimen, barangkali itu soalan yang sesuai dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, saya bertanggungjawab kepada Parlimen, tetapi saya ingat tidak difikirkan mustahak membentangkan lapuran di Parlimen.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Saya fikir sudah cukup!

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA—BANTUAN

8. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bantuan ketenteraan yang diterima oleh Malaysia dari segi alat kelengkapan dan kewangan dari (i) Britain, (ii) Australia, (iii) New Zealand yang berbangkit dari Perjanjian Pertahanan Lima Negara untuk (I) 1971 dan (II) 1972.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, dalam konteks Peraturan Pertahanan Lima Negara, bantuan Britain kepada Malaysia hanya dalam bentuk kemudahan-kemudahan latihan kepada anggota-anggota Tentera Malaysia di pusat Latihan tentera Inggeris di United Kingdom. Sungguhpun kemudahan latihan yang disediakan itu kena dibayar, tetapi di dalam jumlah bayaran yang dikenakan itu terdapat unsur subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Inggeris. Lain-lain bantuan daripada Kerajaan Inggeris

adalah dalam bentuk anggota-anggota pinjaman Inggeris yang berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia. Kerajaan Inggeris adalah juga memberi subsidi kepada perbelanjaan untuk pegawai-pegawai pinjaman itu. Nilai bantuan dan kemudahan-kemudahan itu tidaklah dapat ditaksirkan dari segi kewangannya.

Di bawah Rancangan Bantuan Pertahanan Australia kepada Malaysia, wang sejumlah M\$ 42.1 juta telah diperuntukkan bagi bantuan dalam jangka masa mulai bulan Mei 1971 hingga Jun 1974. Lebih kurang M\$ 2 juta telah digunakan untuk bekalan alat-alat kelengkapan dan juga bagi membiayai perbelanjaan Latihan anggota-anggota Tentera Malaysia di Australia dan untuk perbelanjaan anggota-anggota pinjaman Australia yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Baki dari Bantuan Pertahanan Australia yang diperuntukkan itu kira-kira berjumlah M\$ 40 juta akan digunakan untuk membiayai beberapa projek besar pertahanan.

Dari New Zealand pula, walau bagaimanapun, kita tidak menerima bantuan secara langsung samada dari segi kewangan atau alat kelengkapan. Kemudahan-kemudahan latihan terutama dalam lapangan teknik di New Zealand adalah disediakan bagi anggota-anggota tentera Malaysia dan perbelanjaan bagi latihan-latihan itu dibayar oleh Kerajaan New Zealand.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, dengan pertukaran Kerajaan di Australia dan New Zealand iaitu dengan kejayaan Parti-parti Buruh di Australia dan New Zealand yang bertujuan menarik keluar tentera dan squadron mereka, bolehkah Yang Berhormat Menteri Pertahanan memberitahu samada Kerajaan mempunyai pelan-pelan contingency untuk menghadapi penarikan tentera-tentera dan squadron daripada Butterworth untuk membantu warganegara Malaysia yang bergantung kepada base untuk ekonomi dan kehidupan mereka?

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, kita tidak akan kira hypothetical case lagi sekarang ini.

PERSETUJUAN MOSCOW— KENYATAAN BERSAMA

9. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan butir-butir mengenai per-

setujuan Moscow yang telah tercapai semasa kunjungan beliau ke Moscow baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, persetujuan Moscow yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah terkandung di dalam Kenyataan Bersama yang telah dibuat selepas lawatan saya ke Soviet Union. Kandungan sepenuhnya telah pun diisytiharkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Salinan kenyataan itu serta Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik dan Perjanjian Kerjasama Kebudayaan dan Saintifik yang dinyatakan itu pun telah diisytiharkan dan jika Ahli Yang Berhormat berkehendakkan salinannya bolehlah didapati daripada Kementerian Luar Negeri.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Perdana Menteri sedar bahawa kita telah berhubung rapat dengan Soviet Union dan juga Amerika Syarikat, tetapi jika sekiranya kita tidak mencapai atau mewujudkan hubungan rapat diantara People's Republic of China dengan kita, maka kita boleh memberi pandangan atau impression image iaitu kita ada mengambil bahagian (taking side) di dalam power struggle. Saya bersetuju dengan apa-apa yang telah dicapai oleh Perdana Menteri kita, tetapi bolehkah beliau memberitahu bilakah beliau akan melawat Peking supaya kita boleh mengadakan Peking Accord dan bukan sahaja Washington dan Moscow Accord.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah terangkan tadi iaitu tujuan kita hendak mengadakan perhubungan diplomatik dengan People's Republic of China pada satu masa, tetapi perkara ini mestilah dirundingkan terlebih dahulu dengan negara-negara ASEAN dan dasar kita ialah hendak bersahabat dengan semua negara. Saya fikir Ahli Yang Berhormat tentu tidak berhak hendak memberi pandangan berkenaan dengan hal ini bagi pihak People's Republic of China. People's Republic of China adalah satu kuasa besar dan dia mengetahui serba-serbi hal di dunia ini. Dia mengetahui kedudukan kita dan mengetahui perasaan dan pandangan kita. Jadi saya fikir bolehlah kita lepaskan kepada People's Republic of China bagi menjaga kepentingannya sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu samada beliau ada berbincang dengan

pemimpin-pemimpin Russia mengenai tuntutan Russia atas perairan Selat Melaka dan samada beliau mendapat persetujuan atau apa-apa pandangan dan pendirian yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin Russia atas perkara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, perkara itu tidak dibincangkan.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 10 hingga 18 adalah di-beri di bawah ini)

PENGKALAN ASING— PENJELASAN KENYATAAN

10. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada beliau dapat memberi penjelasan mengenai kenyataan beliau bahawa pengkalan asing hendaklah ditutup lebih dahulu sebelum kita boleh mendapatkan kuasa-kuasa besar menjamin perkecualian Tenggara Asia.

Perdana Menteri: Kenyataan saya itu mengenai perkara ini dengan jelas memberi pandangan saya bahawa kita tidak boleh mengharap kuasa-kuasa besar untuk menjamin pengecualian Tenggara Asia sehingga negara-negara di wilayah ini menerima fahaman bahawa pengkalan-pengkalan tentera asing atau tentera-tentera asing tidak boleh berada di dalam Kawasan Tenggara Asia yang telah berkecuali. Dalam soal bila tentera-tentera dan pengkalan-pengkalan tentera asing mesti diundurkan, pendapat Kerajaan ini ialah bahawa setelah konsep pengecualian diterima oleh semua negara-negara Asia Tenggara, pengkalan-pengkalan tentera asing hendaklah diundur apakala kehendak-kehendak pengecualian dipenuhi.

DASAR PERKECUALIAN MALAYSIA—PERBINCANGAN

11. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah perkara-perkara utama yang telah dibincangkan di dalam lawatannya ke Russia baru-baru ini;
- (b) adakah beliau berpuashati dengan perbincangan yang telah diadakan itu; dan
- (c) adakah pihak Russia bersimpati dengan dasar Perkecualian Malaysia

di Asia Tenggara, dan adakah mereka sanggup menyokong dan menjamin Asia Tenggara sebagai satu kawasan keamanan.

Perdana Menteri:

- (a) Perbincangan tertumpu kepada perhubungan di antara kedua pihak dengan tujuan mempereratkan dan memperluaskan lagi kerjasama diantara Malaysia dan Russia. Pada masa yang sama juga terdapat pertukaran pendapat-pendapat berkenaan dengan keadaan antarabangsa, terutama di Asia. Di dalam perjumpaan itu saya juga mengambil peluang menerangkan mengapa dan apa maksud kita mengesyorkan cadangan Perkecualian Tenggara Asia itu;
- (b) Saya berpuas hati dengan perbincangan itu;
- (c) Bukanlah tujuan lawatan saya itu untuk mendapat sokongan Russia mengenai cadangan pengecualian kita itu. Butir-butir berkenaan cadangan itu mestilah di bincangkan dan dipersetujui oleh negara-negara di wilayah ini terlebih dahulu. Apabila persetujuan telah dicapai di antara negara-negara dalam wilayah ini barulah "approach" yang resmi dibuat untuk mendapatkan sokongan dari kuasa-kuasa lain. Walau bagaimanapun, saya telah mengambil peluang dalam lawatan saya ke Moscow untuk memberi penerangan kepada ketua-ketua Soviet sebab dan tujuan kita mengemukakan Pengecualian Tenggara Asia.

SELAT MELAKA

12. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) samada apa-apa perkembangan baru di atas tuntutan kita terhadap Selat Melaka; dan
- (b) samada mana-mana negara lain yang menyokong atau menentang tuntutan Malaysia dan Indonesia.

Perdana Menteri:

- (a) Pada masa sekarang tidak ada perkembangan-perkembangan baru dalam perkara ini.

- (b) Di samping itu juga tidak ada negara yang baru memberi sokongan atau membantah pendirian kita dalam hal ini.

LIMA HARI SEMINGGU—BEKERJA

13. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat oleh kerana banyak negeri-negeri yang menikmati faedah bekerja lima hari seminggu, adakah beliau pula bercadang mengamalkan sistem seumpama ini di Malaysia.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Soal yang serupa telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam persidangan yang diadakan pada 12hb Mei, 1972. Kedudukannya tidak berubah iaitu Kerajaan masih berpendapat bahawa pada peringkat pembangunan Negara yang dicapai sekarang, belumlah wajar bagi Kerajaan mengamalkan bekerja lima hari seminggu.

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan supaya rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan mempunyai keperibadian Islam.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Negara kita ada mempunyai Rukunegara (National Ideology). Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan adalah berpandu kepada prinsip-prinsip yang tercatat dalam Rukunegara itu. Prinsip yang pertama dalam Rukunegara ialah kepercayaan kepada Tuhan dan prinsip ini adalah merupakan rukun pertama bagi Ugamma Islam.

PERATURAN KESELAMATAN BERSAMA ASIA— CADANGAN SOVIET

15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: minta Perdana Menteri menyatakan samada prinsip peraturan keselamatan bersama yang disyorkan oleh Russia tidak bertentangan dengan konsep perkecualian Asia Tenggara yang disyorkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri: Kita belum lagi dimaklumkan tentang butir-butir lanjut cadangan tersebut, tetapi dari apa yang kita

fahami prinsip-prinsip yang mendorong cadangan Soviet mengenai Peraturan Keselamatan Bersama Asia adalah serupa dengan konsep Pengecualian Asia Tenggara kerana kedua-duanya mempunyai objektif untuk mencapai kedamaian dan keselamatan, walaupun kedua-dua cadangan tersebut berlainan dari segi kawasan yang diliputinya. Tetapi konsep pengecualian kita mempunyai kelebihan kerana ianya meliputi satu kawasan dan bukan satu benua dan berikutan dari pengisytiharan Deklarasi Kuala Lumpur konsep kita sudah pun dilancarkan.

PELABURAN DI MALAYSIA— CADANGAN KONKRIT

16. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan samada cadangan-cadangan yang konkrit bagi perniagaan dan pelaburan di Malaysia telah diperolehi dari empat buah negara yang telah beliau lawati tahun ini, iaitu Russia, Poland Austria dan Switzerland.

Perdana Menteri: Saya telah membuat lawatan resmi ke Switzerland, Austria, Poland dan Soviet Union daripada 21hb September hingga 5hb Oktober, 1972. Tujuan lawatan ini ialah untuk mengeratkan lagi perhubungan Malaysia dengan negara-negara itu, sesuai dengan dasar luar pengecualian kita, dan juga untuk menggalakkan persahabatan dengan semua negara-negara berdasarkan kepada faedah bersama dan saling menghormati.

Dalam perundingan saya dengan pemimpin-pemimpin dan kalangan swasta negara-negara itu perhatian telah juga diberi kepada hal-hal perdagangan dan ekonomi. Kenyataan Akhbar yang telah dikeluarkan sekembalinya saya ke tanah air, membentangkan dengan sepenuhnya hasil-hasil dari lawatan saya itu. Pada keseluruhannya, saya sangat puas hati dengan keputusan-keputusan yang dicapai di tiap-tiap negara yang dilawati.

MENGENALI MALAYSIA— TINDAKAN MEMPERCEPATKAN

17. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih terdapat sungutan-sungutan yang Malaysia tidak dikenal dan tidak diketahui di mana letaknya di dalam peta dunia sungguhpun ia telah

merdeka hampir-hampir 15 tahun dan mempunyai banyak Persuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta di Luar negeri, dan jika sedar apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke arah mempercepatkan dunia mengenali Malaysia.

Perdana Menteri: Saya berpuas hati dengan usaha-usaha Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri yang telah berjaya memberi "image" Malaysia yang baik sehingga kita dikenal serta dihormati di luar negeri. Dalam pada itu, Ahli Yang Berhormat harus maklum bahawa sebagai negara kecil, kita terhad dalam segi kewangan dan kakitangan. Dari itu kita telah menumpukan rancangan-rancangan publisiti kita di kawasan-kawasan yang tertentu tetapi penting dan berpengaruh daripada membuat rancangan-rancangan publisiti yang luas, yang memakan belanja yang banyak.

TABUNG EKONOMI ISLAM

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sambutan umat Islam dalam negeri ini terhadap Tabung Pembangunan Ekonomi Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan baharu-baharu ini; dan
- (b) jumlah kutipan derma itu dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi derma-derma 50 sen dan \$1.00 tiap-tiap satu bagi tiap-tiap buah negeri dan berapa peratuskah bilangan penderma-penderma diseluruh Malaysia.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Sangat menggalakkan.
- (b) Majlis Ugama Islam tiap-tiap negeri sedang menyediakan jumlah kutipan yang diperolehi bagi Tabung Ekonomi Islam.

RANG UNDANG-UNDANG DI- BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1973 dan bagi memperuntukkan wang itu dan lain-lain wang sebagai-

mana yang telah dibenar dikeluarkan untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1971 dan 1972) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1971 dan 1972 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan bagi mengadakan peruntukan dengan perkara-perkara bersangkutan dengannya; Kumpulanwang Simpanan Pekerja, 1951 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN LUAR NEGERI (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pinjaman Luar Negeri, 1963, dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG LANJUTAN KREDIT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Lanjutan Kredit, 1966, bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS
(NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU,
SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 Negeri-negeri Tanah Melayu Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Ordinan Eksais, 1959 Sabah; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KASTAM
(PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Kastam, 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BANK

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan undang-undang baharu untuk melesen dan mengawal perniagaan bank; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG BANK
NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
URUSAN DAN TABUNG HAJI
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Lembaga Urusan dan

Tabung Haji, 1969 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PENCEN
(PINDAAN) (No. 3)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Pencen, 1951, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
KEMAJUAN TRENGGANU TENGAH**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi memperbadankan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG MENTERI
MUDA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Menteri Muda, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Peruntukan di Raja, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
SETIAUSAHA-SETIAUSAHA
PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Setiausaha-setiausaha Parlimen (Saraan), 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUTIPAN
DARI RUMAH KE RUMAH DAN
LORONG-LORONG (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Kutipan dari Rumah ke Rumah dan Lorong-lorong, 1947; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERLINDUNGAN WANITA
DAN GADIS**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlindungan wanita dan gadis dan bagi mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kebajikan Am; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG
(PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkahwinan-perkahwinan monogami dan pengupacaraan dan pendaftaran perkahwinan-perkahwinan itu; bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perceraian; dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Peguam Negara; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBANDARAN (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Perbandaran, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
(PERANCANGAN) BANDARAYA
KUALA LUMPUR**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan untuk mengawal dan memperatur perancangan yang sepatutnya di Bandaraya Kuala Lumpur, untuk melewi bayaran dan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengannya atau sebagai tambahan kepadanya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENDAFTARAN JURUTERA
(PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pendaftaran Jurutera, 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENDAFTARAN JURUKUR
(PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pendaftaran Jurukur, 1967, dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AKITEK
(PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Akitek, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

MENGANTUNG PERATURAN MESYUARAT 66 DAN 67B

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN 1973

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dibuat atas nama Menteri Kewangan dalam aturan urusan mesyuarat diluluskan. Usul tersebut berbunyi:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, peraturan seperti yang diterangkan di bawah ini hendaklah diterima sebagai ganti peraturan yang diterangkan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat 66 dan 67B:

- (i) Hendaklah dibawa ke dalam Majlis suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan menurut Perkara 100 dalam Perlembagaan bagi tahun 1973. Butir perbelanjaan-perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan yang tersebut dalam Peraturan Mesyuarat 65.
- (ii) Sebaik sahaja setelah Usul hendak dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong dan sebelum perbahasan atasnya ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, satu usul bagi dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973 menurut seksyen-kecil 3 Seksyen 4 Akta Kumpulan-wang Pembangunan Bil. 70 tahun 1966 hendaklah dikemukakan tanpa pemberitahu.

- (iii) Apabila usul hendak mengedarkan kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan (ii) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan Anggaran Pembangunan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, dan apabila disambung semula perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan. Maka hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya 8 hari, dan daripada lapan hari ini tidak kurang daripada satu hari hendaklah diuntukkan bagi jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri, bagi sambungan perbahasan atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan usul berhubung dengan Anggaran Pembangunan. Pada masa yang ditentukan pada hari penghabisan yang diuntukkan bagi perbahasan itu sebagaimana Tuan Yang di Pertua menetapkan, maka Tuan di Pertua hendaklah mengemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa jua masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.
- (iv) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dan usul mengenai Anggaran Pembangunan disetujui Rang Undang-undang dan Ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
- (v) Hendaklah diuntukkan 14 hari selebih-lebihnya bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa.
- (vi) Tuan Yang di Pertua boleh menguntukkan masa sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi tiap-tiap jadual dalam Rang Undang-undang itu, fasal-fasal dalam Rang

Undang-undang itu dan bagi apa-apa Kepala dalam Anggaran Pembangunan.

Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa jadual, fasal atau kepala sebelum tamat perbincangan atas jadual atau fasal atau kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta merta apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Tuan Yang di Pertua atau Pengerusi, jika baik pada timbangannya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu jadual atau fasal atau kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak lebih daripada empat belas hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang diuntukkan bagi jadual atau fasal atau kepala yang kemudian. Jika Tuan Yang di Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa jadual atau fasal atau Kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa sehabis lama yang dibenarkannya.

(vii) Jadual-jadual dalam Rang Undang-undang itu hendaklah diselesaikan dahulu sebelum fasal-fasal.

(viii) Masa menimbangkan sesuatu jadual, Pengerusi hendaklah membacakan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan itu mengikut giliran, dan kecuali jika ada cadangan memindanya dalam Kertas Pemberitahu, Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah, "Iaitu wang sejumlah \$..... untuk kepala jadi sebahagian daripada Jadual."

(ix) Siapa-siapa ahli boleh mengeluarkan usul hendak meminda jadual itu dengan mengurangkan sebanyak \$..... daripada belanja yang diuntukkan bagi apa-apa pecahan-kepala atau butir di bawah kepala itu, tetapi hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu.

(x) Jika ada banyak cadangan hendak mengurangkan peruntukan daripada satu pecahan-kepala atau butir, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala atau butir itu boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.

(xi) Setelah selesai diputuskan semua pindaan-pindaan yang ada dalam Kertas Pemberitahu berkenaan dengan apa-apa kepala perbelanjaan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah "Iaitu wang sejumlah \$..... untuk kepala jadi sebahagian daripada jadual."

(xii) Berkenaan dengan masaalah "Iaitu wang sejumlah \$..... untuk kepala jadi sebahagian daripada jadual" perbincangan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil atau kumpulan wang-kumpulan wang yang dalam tanggungjawab khidmatan itu.

(xiii) Apabila menimbangkan dalam jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (ii) dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, Pengerusi hendaklah menyebutkan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendaklah mencadangkan masaalah atas usul itu, "Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973 hendaklah diluluskan."

(xiv) Apabila masaalah yang disebutkan dalam perenggan (xiii) telah dicadangkan, Menteri yang bertanggungjawab atas kepala perbelanjaan yang berkenaan, bolehlah

bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu—

- (i) jika telah dikeluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepada perbelanjaan itu, maka pindaan pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan-perenggan (xv) dan (xvi);
- (ii) jika tidak dikeluarkan pemberitahu pindaan-pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan maka bolehlah dibahaskan usul yang disebutkan dalam perenggan (xiii) atau sebagaimana usul yang telah dipinda, ikut mana yang dikehendaki, perbahasan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.
- (xv) Pindaan-pindaan yang dikehendaki pemberitahu sekurang-kurang dua hari terlebih dahulu, bolehlah dicadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (xiii) bagi meninggalkan apa-apa bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di hujung usul itu "dengan syarat dikurangkan sebanyak....." dengan ditentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak dikurangkan belanjanya itu.
- (xvi) Apabila beberapa pindaan dicadangkan hendak mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan yang sama, pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengu-

rangkan peruntukan itu telah diputuskan.

- (xvii) Apabila semua masalah-masalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemukakan bagi diputuskan masalah itu kepada Jawatankuasa dengan syarat ditinggalkan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikurangkan itu. Apabila usul itu telah disetujui ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis dengan serta-merta berikutan dengan laporan kepada Majlis bahawa Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
- (xviii) Apabila Rang Undang-undang itu telah dimaklumkan kepada Majlis, suatu usul bagi bacaan kali yang ketiga akan dikemukakan oleh seorang Menteri. Usul yang demikian akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.
- (xix) Setelah Rang Undang-undang itu dibacakan bagi kali yang ketiga maka seorang Menteri dengan serta-merta akan mengemukakan ketetapan yang tersebut dalam perenggan (ii) yang dipinda, jika dikehendaki, untuk memberi kesan kepada pengurangan-pengurangan yang telah disetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dikemukakan tanpa pemberitahu, dan masalah mengenainya akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Usul ini ialah untuk menggantung Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bil. 66 dan 67B yang mana masing-masing menurunkan

cara-cara mengendalikan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahunan dan Anggaran Pembangunan tahunan, dan mengadakan peraturan baru untuk mengendalikan anggaran-anggaran ini, sebagai satu urusan yang disatukan. Sehingga sekarang, Anggaran-anggaran ini telah dikemukakan ke Parlimen berasingan oleh kerana bagi Anggaran Belanja Mengurus ianya terpaksa dikemukakan di bawah Rang Undang-undang Perbekalan mengikut Perkara 100 Perlembagaan, Akta Acara Kewangan, 1957 dan peraturan yang disediakan di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bil. 66. Sebaliknya pula, Anggaran Pembangunan Tahunan terpaksa dikemukakan melalui satu Usul mengikut peruntukan-peruntukan dalam Akta Anggaran Pembangunan, 1966 dan peraturan yang disediakan dalam Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bil. 67B. Berikutan dengan ini, persidangan Dewan yang berasingan adalah dikehendaki untuk mempertimbangkan anggaran-anggaran ini, tetapi pengalaman telah menunjukkan bahawa apabila berbagai perkara dibincangkan perbincangan yang berulang tidaklah dapat dielakkan oleh kerana kita tidak boleh membuat dengan tepatnya satu perbezaan di antara satu Anggaran dengan yang lain. Ini terutamanya disebabkan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan sebagaimana disediakan dalam Anggaran Pembangunan Tahunan, Kerajaan tidak dapat mengelakkan membuat perbelanjaan seperti gaji dan lain-lain perkara di bawah Anggaran Belanja Mengurus yang ada hubungannya dengan projek-projek pembangunan. Berdasarkan kepada keadaan ini, adalah wajar untuk mengendalikan kedua-dua Anggaran ini dalam satu urusan yang sama. Bagi tujuan ini Buku Anggaran telah pun disediakan sebagai satu jilid yang mengandungi kedua-dua Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan di bawah Kementerian dan Jabatan yang berkenaan.

Peraturan ini juga akan menyelamatkan banyak masa Dewan ini bagi mengendalikan Belanjawan yang disatukan dan akan menyenangkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membahaskan bersama oleh kerana mereka akan bebas untuk berucap mengenai sesuatu bahagian anggaran yang mereka pilih. Walau bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan merupakan sebahagian daripada

Belanjawan yang sama, adalah menasabah bagi Dewan ini membahaskan kedua-dua anggaran ini sebagai satu urusan pada keseluruhannya. Bagi membolehkan Dewan ini berbuat demikian, adalah perlu untuk menggantikan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang dinyatakan dalam Usul ini dan bagi menggantikannya mengadakan satu peruntukan baru seperti yang terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan V. David (Datuk Kramat): Tuan Speaker, with your permission, I would like to speak in English.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Cakap dua-dua bahasa!

Tuan V. David: Baik, Tuan Yang di Pertua. Kami nampak cadangan daripada Kerajaan boleh dikatakan satu cadangan yang baru yang menetapkan beberapa hari yang kita boleh membincangkan mengenai Budget ini.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this is the first time that some form of improvement has been brought about in the debates on the Estimates. It is most regrettable that the Estimates were not sent to Members in time. Only this afternoon we had copies of the Estimates. It would have been much better if these Estimates could have been circulated earlier to Members giving them adequate time to scrutinise the various items of expenditure.

Sir, during the last Budget debate, only 7 days were allocated to discuss the various heads of expenditure, but this time there is a proposal for a maximum of 14 days. There should not be any form of reduction in the number of days because I would even say that 14 days are not enough to discuss and debate all the items under the various headings and under the various Ministries. For the debate on the general policy of the Budget, 8 days have been allocated. With the size of the House, which has increased after 1959, I should think that the number of days for the debate on the policy of the Budget should be increased, allowing every Member

of this House to express his views without any interruption.

Sir, while I appreciate that this is a first step towards improvement, I would further stress that there should be some flexibility in the days allocated in this Motion to allow Members the freedom to express what they want to express on the Budget, which reflects the entire policy of the Government, and the Budget debate is extremely vital.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih atas penghargaan Ahli Yang Berhormat itu terhadap perbaikan ini (improvement) cara kita menghadapi perkara belanjawan atau Budget, cuma saya ingin menjelaskan bahawa Ahli Yang Berhormat itu mengatakan lambat menerima document-document Budget, kerana baru hari ini dia terima.

Tuan Yang di Pertua, perlu saya katakan ia-itu ini tidaklah terlambat, kerana ucapan belanjawan akan dibuat pada hari lusa dan perbahasan akan dimulakan dalam minggu hadapan, ertinya Ahli Yang Berhormat itu ada banyak hari untuk meneliti document-document Budget ini dengan sedalam-dalamnya, dan saya percaya Ahli Yang Berhormat itu tentulah cekap pembacaannya dan dapat membaca serta memahami dengan tepat dan tidak perlulah memakan masa berbulan-bulan untuk membaca document-document Budget.

Tentang waktu yang dikatakan 14 hari dalam Jawatankuasa tidak cukup dan 8 hari membahaskan polisi tidak cukup, walaupun hari itu ditetapkan 14 hari, tetapi masanya atau jam itu adalah diperpanjangkan. Saya percaya perkara tidak cukup masa ini tidaklah timbul dan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan masanya dengan sepenuhnya Kerajaan berpendapat tentu cukup masa yang diberikan untuk menghadapi belanjawan bagi tahun 1973 ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, peraturan seperti yang diterangkan di bawah ini hendaklah diterima sebagai ganti peraturan

yang diterangkan dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat 66 dan 67B:

- (i) Hendaklah dibawa ke dalam Majlis suatu Rang Undang-undang Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan menurut Perkara 100 dalam Perlembagaan bagi tahun 1973. Butir perbelanjaan-perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan yang tersebut dalam Peraturan Mesyuarat 65.
- (ii) Sebaik sahaja setelah Usul hendak dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong dan sebelum perbahasan atasnya ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, satu usul bagi dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973 menurut seksyen-kecil 3 Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan Bil. 70 tahun 1966 hendaklah dikemukakan tanpa pemberitahu.
- (iii) Apabila usul hendak mengedarkan kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan (ii) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan Anggaran Pembangunan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari, dan apabila disambung semula perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan. Maka hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya 8 hari, dan daripada lapan hari ini tidak kurang daripada satu hari hendaklah diuntukkan bagi jawapan-jawapan daripada Menteri-menteri, bagi sambungan perbahasan atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang itu dan usul berhubung

dengan Anggaran Pembangunan. Pada masa yang ditentukan pada hari penghabisan yang diuntukkan bagi perbincangan itu sebagaimana Tuan Yang di Pertua menetapkan, maka Tuan Yang di Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa jua masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

- (iv) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dan usul mengenai Anggaran Pembangunan disetujui, Rang Undang-undang dan Ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
- (v) Hendaklah diuntukkan 14 hari lebih-lebihnya bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa.
- (vi) Tuan Yang di Pertua boleh menguntukkan masa sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi tiap-tiap jadual dalam Rang Undang-undang itu, fasal-fasal dalam Rang Undang-undang itu dan bagi apa-apa Kepala dalam Anggaran Pembangunan.

Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa jadual, fasal atau kepala sebelum tamat perbincangan atas jadual atau fasal atau kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta merta apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Tuan Yang di Pertua atau Pengerusi, jika baik pada timbangannya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu jadual atau fasal atau kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak lebih daripada empat belas hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang diuntukkan bagi jadual atau fasal atau kepala yang kemudian. Jika Tuan Yang di Pertua tidak menguntukkan masa

bagi semua atau apa-apa jadual atau fasal atau Kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa sehabis lama yang di benarkannya.

- (vii) Jadual-jadual dalam Rang Undang-undang itu hendaklah diselesaikan dahulu sebelum fasal-fasal.
- (viii) Masa menimbangkan sesuatu jadual, Pengerusi hendaklah membacakan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan itu mengikut giliran, dan kecuali jika ada cadangan memindanya dalam Kertas Pemberitahu, Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah, "Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepada.....jadi sebahagian Jadual".
- (ix) Siapa-siapa ahli boleh mengeluarkan usul hendak meminda jadual itu dengan mengurangkan sebanyak \$.....daripada belanja yang diuntukkan bagi apa-apa pecahan-kepala atau butir di bawah kepala itu, tetapi hendaklah dikeluarkan pemberitahu sekurang-sekurangnya dua hari terlebih dahulu.
- (x) Jika ada banyak cadangan hendak mengurangkan peruntukan daripada satu pecahan-kepala atau butir, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan itu dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala atau butir itu boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.
- (xi) Setelah selesai diputuskan semua pindaan-pindaan yang ada dalam Kertas Pemberitahu berkenaan dengan apa-apa kepala perbelanjaan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masaalah "Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepada.....jadi sebahagian daripada jadual."
- (xii) Berkenaan dengan masaalah "Iaitu wang sejumlah \$.....untuk kepada.....jadi sebahagian

daripada jadual" perbahasan hendaklah dihadkan kepada dasar khidmatan yang hendak diuntukkan wang itu dan tidak boleh mengenai butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan butir-butir hasil atau kumpulan wang-kumpulan wang yang dalam tanggungjawab khidmatan itu.

(xiii) Apabila menimbangkan dalam jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (ii) dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, Pengerusi hendaklah menyebutkan tajuk tiap-tiap kepala perbelanjaan lepas satu kepala, satu kepala dan hendaklah mencadangkan masaalah atas usul itu, "Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala..... dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973 hendaklah diluluskan."

(xiv) Apabila masaalah yang disebutkan dalam perenggan (xiii) telah dicadangkan, Menteri yang bertanggungjawab atas kepala perbelanjaan yang berkenaan, bolehlah bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu—

(i) jika telah dikeluarkan pemberitahu pindaan atas kepala perbelanjaan itu atau bahagian kepala perbelanjaan itu atau butir kepada perbelanjaan itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan-perenggan (xv) dan (xvi);

(ii) jika tidak dikeluarkan pemberitahu pindaan-pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan maka bolehlah dibahaskan usul yang disebutkan dalam perenggan (xiii) atau sebagaimana usul yang telah dipinda, ikut mana yang dikehendaki, perbahasan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.

(xv) Pindaan-pindaan yang dikehendaki pemberitahu sekurang-kurang dua hari terlebih dahulu, bolehlah di-

cadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (xiii) bagi meninggalkan apa-apa bahagian kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di hujung usul itu "dengan syarat dikurangkan sebanyak....." dengan ditentukan apa dia bahagian kepala perbelanjaan dan butir perbelanjaan (jika ada) yang hendak dikurangkan belanjanya itu.

(xvi) Apabila beberapa pindaan dicadangkan hendak mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan yang sama, pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan, maka hendaklah mula-mula sekali dicadangkan pindaan berkenaan dengan belanja yang sehabis sedikit sekali hendak dikurangkan dan pindaan hendak meninggalkan pecahan-kepala perbelanjaan atau butir perbelanjaan boleh dicadangkan hanya apabila semua usul-usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah diputuskan.

(xvii) Apabila semua masaalah-masaalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masaalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemukakan bagi diputuskan masaalah itu kepada Jawatankuasa dengan syarat ditinggalkan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah dikurangkan itu. Apabila usul itu telah disetujui, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis dengan serta-merta berikutan dengan laporan kepada Majlis bahawa Rang Undang-undang itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

(xviii) Apabila Rang Undang-undang itu telah dimaklumkan kepada Majlis suatu usul bagi bacaan kali yang ketiga akan dikemukakan oleh

seorang Menteri. Usul yang demikian akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

- (xix) Setelah Rang Undang-undang itu dibacakan bagi kali yang ketiga maka seorang Menteri dengan serta-merta akan mengemukakan ketetapan yang tersebut dalam perenggan (ii) yang dipinda, jika dikehendaki, untuk memberi kesan kepada pengurangan-pengurangan yang telah disetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dikemukakan tanpa pemberitahu, dan masalah mengenainya akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasaan.

MENGGANTUNG PERATURAN MESYUARAT 67 (1) DAN 67 (C)

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mengemukakan bahawa Usul yang dibuat atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan, peraturan seperti yang diterangkan di bawah ini hendaklah diterima sebagai ganti peraturan yang diterangkan dalam peraturan-peraturan Mesyuarat 67 (1) dan 67 (C):

- (i) Tiap-tiap Rang Undang-undang Perbekalan yang dibawa ke dalam mesyuarat kerana menepati perbelanjaan-perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang telah dibenarkan sebagaimana yang tersebut dalam Perkara 101 dalam Perlembagaan, hendaklah disertakan dengan suatu anggaran belanja tambahan bagi tiap-tiap satu kepala yang hendak diminta kebenaran mengeluarkan belanja, dengan diterangkan—

(a) berapa jumlah belanja yang dibenarkan di bawah kepala itu;

(b) berapa jumlah tambahan yang dikehendaki dalam apa-apa pecahan kepala;

(c) berapa belanja yang dapat diselamatkan daripada lain-lain pecahan di bawah sesuatu kepala itu yang boleh diguna bagi mengurangkan peruntukan tambahan bagi menepati perbelanjaan tambahan itu;

(d) berapa jumlah peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu.

- (ii) Tiap-tiap anggaran belanja tambahan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari betul sebelum mesyuarat hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan tambahan itu.

- (iii) Setelah dicadangkan usul hendak dibacakan Rang Undang-undang ini kali yang kedua dan disokong, tetapi sebelum perbahasan mengenainya dijalankan, satu usul untuk mengambil ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut Seksyen-kecil (3) Seksyen 4, Akta Kumpulanwang Pembangunan Bil. 70 tahun 1966 hendaklah dicadangkan, tanpa pemberitahu, oleh seorang Menteri untuk diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

- (iv) Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi sesuatu tahun kewangan menurut seksyen-kecil (2) seksyen 4 dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan, Bil. 70/1966, hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat sebelum dibawa ke dalam Majlis sesuatu ketetapan menurut seksyen-kecil (3) Seksyen 4 dalam Ordinan itu.

- (v) Apabila usul hendak mengedarkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (iii) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan kali yang kedua Rang

Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan yang berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulanwang Pembangunan itu boleh dipakai sebagai mana yang dinyatakan dalam penerangan di bawah Seksyen-kecil (2) Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan Bil. 70/1966. Selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi perbincangan demikian itu atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan usul untuk mengambil ketetapan hendak mengedarkan Anggaran Pembangunan Tambahan. Pada masa yang ditentukan pada hari yang diuntukkan bagi perbincangan itu sebagaimana Tuan Yang di Pertua tetapkan, maka Tuan Yang di Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh Mesyuarat apa-apa jua masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

- (vi) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu kali yang kedua dan Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan disetujui, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
- (vii) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya dua hari bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan. Tuan Yang di Pertua boleh menguntukkan masa yang sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi mana-mana kepala dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Rang Undang-undang Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa

yang diuntukkan bagi apa-apa kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan sertamerta apa-apa masaalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu:

Tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi jika baik pada timbangan-nya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa hendaklah tidak lebih daripada jumlah dua hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang telah diuntukkan terlebih dahulu bagi kepala yang kemudian.

Jika Tuan Yang di Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa Kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa sehabis lama yang dibenarkan.

- (viii) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan akan terserah kepada Jawatankuasa menurut cara-cara yang disebutkan dalam perenggan (vii), (viii), (ix), (x), (xi) dan (xii), dengan perubahan-perubahan yang perlu, dalam peraturan yang dipakai secara ketetapan bagi menimangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973. Perenggan (xiii), (xiv), (xv) dan (xvi) peraturan tersebut hendaklah, dengan apa-apa perubahan yang perlu, dipakai juga kepada Anggaran Pembangunan Tambahan.
- (ix) Perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbincangan ini tidak boleh menyentuh dasar atau perbelanjaan dalam anggaran mengandungi peruntukan mula-mula yang telah dibenarkan, kecuali jika dasar atau perbelanjaan demikian itu zahir memandang kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja tambahan itu.

(x) Apabila semua masaalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemuka bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masaalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan. Apabila usul itu telah disetujui, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis berikutan dengan lapuran kepada Majlis atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Bacaan kali yang ketiganya.

(xi) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dimaklumkan kepada Majlis, satu usul bagi bacaan kali yang ketiga hendaklah dicadangkan oleh seorang Menteri. Usul yang demikian hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(xii) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dibacakan bagi kali yang ketiga, seorang Menteri dengan serta-merta akan memaklumkan kepada Majlis bahawa ketetapan yang dimaksudkan dalam perenggan (iii) telah pun disetujui.

Tuan Yang di Pertua, tujuan Usul ini ialah untuk menggantung Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Bil. 67 (1) dan 67 (c) yang mana masing-masing menurunkan cara-cara mengendalikan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengadakan satu peraturan baru untuk mengendalikan Anggaran-anggaran ini. Peraturan yang dicadangkan ini adalah sejajar dengan peraturan-peraturan dalam Usul yang telah diluluskan dahulu untuk mengendalikan Belanjawan Persekutuan bagi tahun 1973 sebagai urusan yang disatukan bagi kedua-dua Anggaran Belanja Mengurus Tahunan dan Anggaran Pembangunan Tahunan. Dengan berbuat demikian juga, Anggaran-anggaran Tambahan bolehlah dibahaskan oleh Dewan ini dalam satu persidangan dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan bebas membahaskan kedua-dua Anggaran dan dengan itu menyelamatkan banyak masa Dewan ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu bagi maksud menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan, peraturan seperti yang diterangkan di bawah ini hendaklah diterima sebagai ganti peraturan yang diterangkan dalam peraturan-peraturan Mesyuarat 67 (1) dan 67 (c):

(i) Tiap-tiap Rang Undang-undang Perbekalan yang dibawa ke dalam mesyuarat kerana menepati perbelanjaan-perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang telah dibenarkan sebagaimana yang tersebut dalam Perkara 101 dalam Perlembagaan, hendaklah disertakan dengan suatu anggaran belanja tambahan bagi tiap-tiap satu kepala yang hendak diminta kebenaran mengeluarkan belanja, dengan diterangkan—

(a) berapa jumlah belanja yang dibenarkan di bawah kepala itu;

(b) berapa jumlah tambahan yang dikehendaki dalam apa-apa pecahan-kepala;

(c) berapa belanja yang dapat diselamatkan daripada lain-lain pecahan kepala di bawah sesuatu kepala itu yang boleh diguna bagi mengurangkan peruntukan tambahan bagi menepati perbelanjaan tambahan itu;

(d) berapa jumlah peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu.

(ii) Tiap-tiap anggaran belanja tambahan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sekurang-kurangnya tiga hari betul sebelum mesyuarat hendak dikeluarkan Rang Undang-undang Perbekalan tambahan itu.

- (iii) Setelah dicadangkan usul hendak dibacakan Rang Undang-undang ini kali yang kedua dan disokong, tetapi sebelum perbahasan mengenainya dijalankan, satu usul untuk mengambil ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut Seksyen-kecil (3) Seksyen 4, Akta Kumpulanwang Pembangunan Bil. 70 tahun 1966 hendaklah dicadangkan, tanpa pemberitahuan, oleh seorang Menteri untuk diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
- (iv) Suatu penerangan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi sesuatu tahun kewangan menurut seksyen-kecil (2) seksyen 4 dalam Akta Kumpulanwang Pembangunan, Bil. 70/1966, hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat sebelum dibawa ke dalam Majlis sesuatu ketetapan menurut seksyen-kecil (3) Seksyen 4 dalam Ordinan itu.
- (v) Apabila usul hendak mengedarkan Rang Undang-undang kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (iii) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan di atas usul-usul bagi Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah diteruskan dan hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan mengenai dasar-dasar am Kerajaan yang berkaitan dengan tujuan-tujuan yang Kumpulanwang Pembangunan itu boleh dipakai sebagaimana yang dinyatakan dalam penerangan di bawah Seksyen-kecil (2) Seksyen 4 Akta Kumpulanwang Pembangunan Bil. 70/1966. Selebih-lebihnya satu hari hendaklah diuntukkan bagi perbahasan demikian itu atas Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan usul untuk me-

ngambil ketetapan hendak mengedarkan Anggaran Pembangunan Tambahan. Pada masa yang ditentukan pada hari yang diuntukkan bagi perbahasan itu sebagaimana Tuan Yang di Pertua tetapkan, maka Tuan Yang di Pertua hendaklah mengemuka bagi diputuskan oleh Mesyuarat apa-apa jua masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya.

- (vi) Setelah dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan itu kali yang kedua dan Usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan disetujui, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.
- (vii) Hendaklah diuntukkan selebih-lebihnya dua hari bagi membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan, Tuan Yang di Pertua boleh menguntukkan masa yang sehabis-habis lama yang boleh dibenarkan bagi mana-mana kepala dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Rang Undang-undang Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa yang diuntukkan bagi apa-apa kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu, maka Pengerusi akan mengemukakan dengan serta-merta apa-apa masalah yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu;

Tetapi disyaratkan iaitu Pengerusi, jika baik pada timbangan-nya, boleh memanjangkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa hendaklah tidak lebih daripada jumlah dua hari dan hendaklah jangan mengurangkan pula masa yang telah diuntukkan terlebih dahulu bagi kepala yang kemudian.

Jika Tuan Yang di Pertua tidak menguntukkan masa bagi semua atau apa-apa Kepala itu,

maka Pengerusi bolehlah mengemukakan masa sehabis lama yang dibenarkan.

(viii) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan akan terserah kepada Jawatankuasa menurut cara-cara yang disebutkan dalam perenggan (vii), (viii), (ix), (x), (xi) dan (xii), dengan perubahan-perubahan yang perlu, dalam peraturan yang dipakai secara ketetapan bagi menimbangkan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1973. Perenggan (xiii), (xiv), (xv) dan (xvi) peraturan tersebut hendaklah, dengan apa-apa perubahan yang perlu, dipakai juga kepada Anggaran Pembangunan Tambahan.

(ix) Perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbahasan ini tidak boleh menyentuh dasar atau perbelanjaan dalam anggaran menganungi peruntukan mula-mula yang telah dibenarkan, kecuali jika dasar atau perbelanjaan demikian itu dzahir kepada Jawatankuasa itu dengan memandang kepada butir-butir yang terkandung dalam anggaran belanja tambahan itu.

(x) Apabila semua masaalah atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan Rang Undang-undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi, dengan tidak boleh membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemuka bagi diputuskan, kepada Jawatankuasa masaalah mengenai ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan. Apabila usul itu telah disetujui, ia hendaklah dimaklumkan kepada Majlis berikutan dengan laporan kepada Majlis atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Bacaan Kali Yang Ketiga.

(xi) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dimaklumkan kepada Majlis, satu usul bagi Bacaan Kali Yang Ketiga hendaklah dicadangkan oleh seorang Menteri. Usul yang demikian hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(xii) Apabila Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan telah dibacakan bagi kali yang ketiga, seorang Menteri dengan serta-merta akan memaklumkan kepada Majlis bahawa ketetapan yang dimaksudkan dalam perenggan (iii) telah pun disetujui.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 115 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk mengenakan cukai impot sebanyak 25% *ad valorem* ke atas carbon brushes yang terjatuh di bawah Nombor Kepala 85.24 100. Ianya adalah untuk memberikan perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 16), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 115 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 116 Tahun 1972 disahkan.

Perintah ini dibuat untuk melanjutkan ke Pulau Pinang cukai impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "carbon brushes" yang terjatuh di bawah Nombor Kepala 85.24 100. Tujuannya adalah untuk memberikan perlindungan yang sesuai kepada perusahaan-perusahaan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 11), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 116 Tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini disediakan untuk memasukkan daun pakau ke dalam gulungan barang-barang "Non-Malaysian Common Tariff". Pada masa sekarang di bawah Perintah Duti Kastam, 1958, daun pakau itu terjatuh di bawah gulungan barang-barang "Malaysian Common Tariff", tetapi setelah duti eksais dikenakan ke atasnya, maka perlulah Perintah yang terdahulu itu dipinda seperti di atas.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 17), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 117 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 118 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini adalah untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Memberikan Nombor Kepala baharu, iaitu 21.07 700 kepada peanut butter dan mengenakan ke atasnya cukai impot sebanyak 20 sen tiap-tiap satu 11b. diseluruh Malaysia, termasuk Pulau Pinang. Dahulunya peanut butter terjatuh di bawah nombor kepala 21.07 900.
- (ii) Mengenakan cukai impot sebanyak \$50 tiap-tiap satu tan ke atas spiegelaisen (iaitu sejenis besi waja)

yang terjatuh di bawah Nombor Kepala 73.01 100. Selaras dengan pengenaan cukai impot ini sekatan impot ke atas lebih kurang 25 jenis besi dan besi waja adalah dibatalkan.

- (iii) Menaikkan cukai impot ke atas sodium chlorate yang terjatuh di bawah Nombor Kepala 28.32 100 daripada \$5 satu cwt. kepada \$10 satu cwt.; dan
- (iv) Mengenaikan cukai impot sebanyak \$75 satu tan ke atas "hoop and strip of iron or steel" yang terjatuh di bawah Nombor-nombor Kepala 73.12 100, 73.12 200, 73.15 811, 73.15 812, 73.15 821 dan 73.15 822.

Pengenaan cukai-cukai impot yang disebutkan di atas ini adalah untuk memberikan perlindungan kepada perusahaan-perusahaan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 18), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 118 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 119 tahun 1972 disahkan.

Pada masa-masa lalu "petroleum gas and other gaseous hydrocarbons" yang terjatuh di bawah Nombor Kepala 27.11 000 boleh diimpot berserta dengan bekasnya dengan hanya membayar cukai impot sebanyak 3 sen satu paun ke atas gas tersebut. Kelonggaran ini telah membolehkan pembekal-pembekal gas tempatan membawa masuk bekas-bekas gas dengan hanya membayar cukai impot ke atas gas yang terkandung di dalamnya. Amalan ini sekarang merupakan suatu ancaman kepada perusahaan membuat bekas-bekas gas yang kini ada terdapat di Malaysia. Oleh itu Perintah ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada permohonan tempatan kita dengan mengasingkan gas yang dikandung di dalam bekas-bekas (atau cylinders) yang ber"welded" daripada gas yang dikandung di dalam bekas-bekas yang bukan ber"welded". Gas yang terkandung di dalam bekas-bekas yang ber"welded" akan diberikan Nombor Kepala baharu iaitu 27.11 100 dan akan dikenakan cukai impot sebanyak £15 tiap-tiap satu bekas atau cylinder. Gas yang terkandung di dalam bekas-bekas bukan ber"welded" akan diberikan nombor kepala baharu iaitu 27.11 900 dengan dikenakan cukai impot mengikut kadar lama sebanyak 3 sen satu paun.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19) 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 119 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 120 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini dibuat bertujuan memberikan perlindungan kepada perusahaan-perusahaan kain tempatan dengan membuat pindaan-pindaan seperti berikut:

- (i) Pertamanya, menaikkan cukai impot dari 25% atau 10 sen seela persegi yang mana lebih tinggi kepada 25% atau 40 sen seela persegi yang mana lebih tinggi ke atas beberapa jenis kain tenun tiruan; kain tenun yang diperbuat daripada bulu atau rambut binatang, rami dan kapas; dan kain rajut atau renda.
- (ii) Keduanya, mengenakan cukai impot sebanyak 50 sen sepaun, ke atas benang yang diperbuat daripada bulu atau rambut binatang dan benang tiruan.
- (iii) Ketiganya, menaikkan cukai impot dari 25% atau \$2.40 sedozen yang mana lebih tinggi kepada 35% atau \$30 sedozen yang mana lebih tinggi ke atas baju; menaikkan cukai impot dari 25% atau \$2.40 sedozen yang mana lebih tinggi kepada 35% atau \$6 sedozen yang mana lebih tinggi ke atas lain-lain pakaian yang berajut atau berenda; menaikkan cukai impot dari 25% atau 10 sen seela persegi yang mana lebih tinggi kepada 25% atau 40 sen seela persegi yang mana lebih tinggi ke atas sari; dan menaikkan cukai impot dari 25% atau \$30 sedozen yang mana lebih tinggi kepada 35% atau \$30 sedozen yang mana lebih tinggi ke atas pakaian laki-laki.
- (iv) Keempatnya, memberi Nombor Kepala baharu kepada semua jenis kain "suiting" dan menaikkan cukai impot ke atasnya dari 25% atau 10 sen seela persegi yang mana lebih tinggi kepada 25% atau 40 sen seela persegi yang mana lebih tinggi.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 120 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 12), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 121 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini ialah untuk melanjutkan ke Pulau Pinang cukai impot ke atas "peanut butter", "sodium Chlorate" dan "hoop and strip, of iron or steel". Lanjutan ini akan memperimbangan cukai impot ke atas barang-barang yang berkenaan di antara Tanah Besar Malaysia Barat dan Pulau Pinang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 12), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 121 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 13), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 122 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 19), 1972 yang telah diluluskan tadi melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 13), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 122 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 14), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 123 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah serupa dengan tujuan-tujuan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 20), 1972 yang baharu sahaja diluluskan melainkan ia dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 14), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 123 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 124 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini adalah untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) mengasingkan "sensitised paper and paperboard" daripada "sensitised cloth" dan memberikan kepada barang-barang ini nombor-nombor kepala 37. 03 110 dan 37. 03 610. Dahulunya kedua-dua barang tersebut terjatuh di bawah nombor kepala 37. 03 100;
- (ii) mengenakan cukai impot sebanyak 20% ad valorem atau 65 sen satu paun yang mana lebih tinggi ke atas "sensitised paper dan paper board". "Sensitised cloth" akan terus dikenakan cukai impot mengikut kadar lama iaitu 20% ad valorem.

Tujuan perintah ini ialah untuk memberikan perlindungan yang sesuai kepada perusahaan "sensitised paper dan paper board" yang kini terdapat di dalam negeri ini.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 21), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 124 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 125 tahun 1972 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk mengenakan cukai impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "stationary and marine diesel engines" di bawah 200 h.p. yang jatuh di bawah nombor-nombor kepala 84. 06 211, 84. 06 212, 84. 06 241 dan 84. 06 242. Langkah ini diambil untuk memberi perlindungan ini diambil untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 22), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 125 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 126 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini disediakan untuk melanjutkan ke Pulau Pinang:

- (i) cukai impot sebanyak 20% ad valorem atau 65 sen sepau yang mana lebih tinggi ke atas "sensitised paper dan paperboard" di bawah No. Kepala 37. 03 110;
- (ii) cukai impot sebanyak 25 sen sepau ke atas "iron or steel wool; pot scourers, and scouring and polishing pads of iron or steel" di bawah No. Kepala 73. 39 000; dan
- (iii) cukai impot sebanyak 20% ad valorem ke atas "staples" di bawah No. Kepala 83. 05 100
- (iv) cukai impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "parts and accessories of motor cycles, auto cycles and cycles fitted with motors" yang jatuh di bawah No. Kepala 87. 12 100.

Tujuan perintah ini adalah untuk membuat kedudukan kadar cukai-cukai impot ke atas barang-barang di atas, menjadi seimbang di antara Pulau Pinang dengan Malaysia Barat.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 15), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 126 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang)
(Pindaan) (No. 16), 1972

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 127 tahun 1972 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah untuk melanjutkan ke Pulau Pinang, cukai impot sebanyak 25% ad valorem ke atas "stationary and marine diesel engines" yang telah diluluskan tadi.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 16), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 127 tahun 1972 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972
(Malaysia Barat)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 128 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini dibuat untuk mengenakan duti eksais sebanyak 5 sen satu pack ke atas daun pakau. Pada masa ini pencetakan barang-barang tersebut tidak bercukai eksais dan dengan itu sesiapa sahaja boleh mencitaknya tanpa kawalan. Dengan mengenakan duti eksais tersebut maka pencetakan daun pakau akan dapat dikawal. Ianya juga bertujuan untuk menjamin supaya pencetak-pencetak daun terup yang diluluskan oleh Kerajaan tidak akan mengalami persaingan daripada pencetak-pencetak biasa yang mungkin mencetak daun pakau secara sambilan.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 128 tahun 1972 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH No. 18, 1959

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972
(Sabah)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah No. 18, 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 129 tahun 1972 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah untuk melanjutkan duti eksais ke atas daun pakau yang telah diluluskan ke Negeri Sabah.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sabah No. 18 tahun 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. S.T. 129 tahun 1972 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK BAB 27

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 (Sarawak)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak Bab 27, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 130 tahun 1972 disahkan.

Tujuan Perintah ini adalah untuk melanjutkan duti eksais ke atas daun pakau yang telah diluluskan ke Negeri Sarawak.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Ordinan Eksais, Sarawak Bab 27, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 130 tahun 1972 disahkan.

AKTA EKSAIS, 1961

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 131 tahun 1972 disahkan.

Tujuan perintah ini adalah bagi menukar tempoh masa pembayaran Cukai Eksais ke atas "petroleum" dan "petroleum products". Pada masa yang sudah-sudah, tempoh masa bagi pembayaran ialah 90 hari selepas barang-barang itu dikeluarkan. Tempoh ini telah dikurangkan kepada 40 hari demi kepentingan kutipan hasil yang segera.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 7, Akta Eksais, 1961, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 3), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 131 tahun 1972 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967**Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1972**

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (1) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 136 tahun 1972 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk membolehkan tuan punya kuda-kuda lumba untuk membawa masuk kuda mereka tanpa membayar cukai tokok ke atasnya.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (1) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Cukai Tokok (Impot) (Pindaan), 1972 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 136 tahun 1972 disahkan.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya oleh kerana segala Urusan Mesyuarat pada hari ini semuanya sudah habis, maka saya cadangkan kita tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.35 petang.